

Bil : 1 / 2023
no. ISSN 1985 7624



buletin **salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



JAN-FEB
2023



ISSN 1985 - 7624

MUTU PENGADILAN BOLA SEPAK LIGA TEMPATAN

SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG

Puan Noraini binti Shamsuddin

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

Cik Nik Nur Afiqah binti Nik Mohd Jalal

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

Encik Mazli bin Che Mamat

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam

Terengganu

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-622 1100

09-622 0052

Fax : 09-622 1534

E-mel : ppat@trglib.gov.my

URL : <https://www.trglib.gov.my>



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



ppat@trglib.gov.my



ppaterengganu



PPAT TV

© 2022 Hak Cipta Terpelihara
Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangkaun, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.





PPAT TERIMA ANUGERAH PENGURUSAN ADUAN AWAM CEMERLANG TAHUN 2022

KHAMIS, 16 FEBRUARI 2023 : Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, PPAT meraih Tempat Ketiga Anugerah Pengurusan Aduan Awam Cemerlang Tahun 2022 bagi Kategori Badan Berkanun Negeri Terengganu. Majlis ini disempurnakan oleh YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Terengganu di Majlis Amanat Setiausaha Kerajaan Terengganu 2023 yang berlangsung di Dewan Besar, Wisma Darul Iman pada hari ini. Hadir sama menerima anugerah ini ialah Pn. Norliza binti Ismail, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

TEMPAT KETIGA

Tahniah dan syabas kepada seluruh Warga Kerja PPAT atas pencapaian ini.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



MAJLIS APRESIASI WARGA KERJA PPAT TAHUN 2023 Serta PELANCARAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) PPAT Dan EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) PPAT



PPAT telah mengadakan Majlis Apresiasi Warga Kerja PPAT 2023. Kehadiran YB Pengurus Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, Ustaz Ridzuan bin Hashim sebagai perasmian majlis menambahkan lagi keceriaan.

Penganjuran majlis pada hari ini adalah untuk meraikan seramai 13 orang warga kerja PPAT yang telah dipilih sebagai Pekerja Cemerlang Tahun 2022. Majlis Apresiasi pada kali ini merupakan satu penghargaan dan juga pengiktirafan kepada warga kerja yang telah menunjukkan perkhidmatan cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dapat mengikuti piawaian dan kualiti yang ditetapkan dalam memenuhi kehendak serta ekspektasi pelanggan.

Turut diraikan adalah kakitangan yang telah bersara dan bakal pesara seramai 8 orang bagi menghargai jasa bakti dan sumbangan yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat di PPAT.

YB Pengurus turut melahirkan harapan agar pekerja yang telah dianugerahkan APC ini dapat menjadi pemangkin dan contoh kepada warga kerja yang lain untuk turut sama mencapai kejayaan seperti ini dan terus menerus mencipta kegemilangan dalam pekerjaan.

Majlis Apresiasi pada hari ini juga turut disertai dengan Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PPAT dan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).



Selamat Bersara

PUAN MAZIAH BINTI AWANG
PEMBANTU PUSTAKAWAN S22

15.8.1995 - 23.1.2023

BAHAGIAN PENGURUSAN & PEMBANGUNAN KOLEKSI
Terima kasih atas segala jasa dan khidmat bakti yang
diberikan sepanjang berkhidmat di PPAT.
Didoakan agar sentiasa di dalam
rahmat Allah SWT.

dari pada
Seluruh Warga Kerja PPAT



Selamat bersara kepada Puan Maziah Binti Awang yang telah bersara wajib pada 23 Januari 2023. Beliau telah memulakan perkhidmatan pada tanggal 15 Jun 1987. Puan Maziah mula berkhidmat di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu dengan lantikan secara sambilan sebagai Pembantu Am Rendah. Puan Maziah telah dilantik ke jawatan tetap dan menamatkan perkhidmatan sebagai Pembantu Pustakawan S22.

Happy Retirement
PUAN FAUZILAH BINTI AWANG
PENOLONG PUSTAKAWAN KANAN S32
3 Mei 1987 - 1 Februari 2023

It's hard to forget a **great boss** like you.
You'll be deeply missed

sincerely from
Perbadanan Perpustakaan
Awam Terengganu

www.trglib.gov.my | PPATerengganu | ppat@trglib.gov.my | PPATerengganu | PPAT TV

Selamat bersara kepada Puan Fauzilah Binti Awang yang telah bersara wajib pada 2 Februari 2023. Beliau telah memulakan perkhidmatan pada tanggal 3 Mei 1987. Puan Fauzilah menamatkan perkhidmatan beliau sebagai Penolong Pustakawan Kanan S32.

YM TUAN ANISAH BINTI TUAN BESAR
PEMBANTU PUSTAKAWAN S22
15 OGOS 1995 - 11 FEBRUARI 2023

SELAMAT BERSARA

Berdayung sampai ke Tanah Semenanjang
Hendak membeli tukarlah rotan
Budi ditengah batih disanjung
Kehal subur dalam ingatan

Gerbang ehsan tersohor hebat
Ke mana sahaja nama ternamanya
Gemang puai memberi nobat
Kenang jasa disebut nama

www.trglib.gov.my | PPATerengganu | ppat@trglib.gov.my | PPAT TV | PPATerengganu

Selamat bersara kepada YM Tuan Anisah binti Tuan Besar yang telah bersara wajib pada 12 Februari 2023. Beliau telah memulakan perkhidmatan pada tanggal 15 Ogos 1995 dan menamatkan perkhidmatan sebagai Pembantu Pustakawan, S22.

SELAMAT BERSARA
EN. MOHD ZAMRI BIN MUDA
Pembantu Pustakawan S22
3 Mei 1987 - 19 Februari 2023

Raut wajah damai dan tenang
Tiada terkalam kasih dijunjung
Jasa baktimu tetap dikenang
Budi baikmu tetap disanjung

www.trglib.gov.my | PPATerengganu | ppat@trglib.gov.my | PPAT TV | PPATerengganu

Seluruh warga kerja PPAT mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Zamri bin Muda yang telah menamatkan perkhidmatan sebagai Pembantu Pustakawan, S22 pada tanggal 19 Februari 2023. Beliau telah memulakan perkhidmatan pada 3 Mei 1987.

TAKLIMAT DAN PENERANGAN BERSAMA LANTIKAN BAHARU KAKITANGAN PPAT



1 JANUARI 2023 | - Sekalung ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada kakitangan PPAT yang baharu di atas perlantikan ini. Warga kerja PPAT mengucapkan selamat datang dan selamat menjalankan tugas buat semua kakitangan baharu. Semoga dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada PPAT.



**MAJLIS PENGENALAN DAN BACAAN IKRAR
KAKITANGAN BAHARU PPAT 2023**

BENGKEL MYPORTFOLIO PPAT

PPAT telah mengadakan Bengkel myPortfolio kepada kakitangan pada 2 Februari 2023 bertempat di Bilik Multimedia PPAT. Kursus ini bertujuan bagi membolehkan peserta kursus dapat mengaplikasikan kemahiran dalam penyediaan myPortfolio. MyPortfolio merupakan satu kemestian kepada seluruh kakitangan awam termasuk sebagai persediaan kepada menjawat kedudukan sebagai pentadbir/ketua jabatan atau untuk meningkatkan pengetahuan selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.



Bagi sesi pertama ini, seramai 12 orang kakitangan telah dilibatkan bagi mengemaskini dokumen myPortfolio di dalam Sistem HRMIS. Tenaga Pengajar terdiri daripada En. Mohd Firhat bin Ab. Rahman dan En. Muhammad Shahidan bin Wahab dari Pejabat Setiausaha Kerajaan(SUK), Negeri Terengganu.

ULAMA TERENGGANU : Suatu Sorotan



Buku ULAMA TERENGGANU, Suatu Sorotan adalah sebuah koleksi kisah para ulama negri Terengganu yang telah menghiasi lanskap kehidupan si sepanjang sejarah kurun ke – 18. Peranan ilmuan Islam yang kekal relevan hingga sekarang dibaca dalam konteks perubahan masa, dengan masing-masing sosok di kalangan mereka dihidangkan dalam keperihalan zaman masing-masing.

Pengkisahan tentang mereka bukan setakat suatu keperluan akademik atau untuk membangkitkan nostalgia atau kerinduan mengenai masa lepas, tetapi juga untuk menjadi iktibar dan ibrah, dengan pelbagai sisi kehidupan mereka digarap kembali sebagai warisan sejarah. Banyak sekali daripada pembawaan, perwatakan dan pelakuan mereka yang wajar dicontohi dan menjadi ikutan.

Buku hasil suntingan Y. Bhg. Prof Dato' Muhammad Abu Bakar ini mempunyai tambahan 9 bab baru yang menerangkan sejarah ulama-ulama Negeri Terengganu dan jasa mereka dalam penyebaran Islam di Terengganu.

KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN



**KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU (JKSTR)**

UNIT MEDIA
PERSEKUTUAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU

www.trglib.gov.my PPATerengganu @PPATerengganu PPAT TV PPATerengganu

Pada 6 Februari 2023, Bahagian Pengurusan & Pembangunan Koleksi, PPAT telah menganjurkan Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu (JKSTR). Seramai 14 orang pegawai JKSTR telah mengikuti kursus tersebut. Antara modul yang disediakan dalam kursus ini ialah mengkatalog, mengelas dan proses teknik.

Para peserta turut diberikan latihan untuk lebih memahami tentang proses mengkatalog bahan. Di akhir kursus, para peserta diperkenalkan dengan Library Management System (LMS) yang akan digunakan di perpustakaan JKSTR kelak.



**KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU (JKSTR)**

UNIT MEDIA
PERSEKUTUAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU

www.trglib.gov.my PPATerengganu @PPATerengganu PPAT TV PPATerengganu



**KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU (JKSTR)**

UNIT MEDIA
PERSEKUTUAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU

www.trglib.gov.my PPATerengganu @PPATerengganu PPAT TV PPATerengganu

BENGKEL PENULIS CILIK



Pada 15 Februari 2023 yang lepas, lebih 100 orang pelajar sekolah rendah terpilih dari seluruh negeri Terengganu telah mengikuti bengkel Penulisan Cilik yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan Institut Terjemahan Buku Malaysia dengan kerjasama Perpustakaan Awam Daerah Dungun.

Bengkel yang diadakan selama sehari ini adalah bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar berkenaan asas penulisan. Bengkel ini dapat memberi latihan asas untuk kemahiran menulis kerana tidak ramai yang mempunyai kemahiran menulis dengan baik.

Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Ahmad Fadhlil Mohamad Pakarul-Razy atau lebih dikenali sebagai Fadh Razy yang merupakan seorang tokoh penulis kelahiran negeri Terengganu.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Sakri Bin Abdullah, Ketua pegawai Eksekutif, Institut Terjemahan Buku Malaysia. Turut hadir Tuan Roslan bin Mamat, Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.



PROGRAM BEDAH BUKU: KUMPULAN SAJAK REMAJA - Apabila Tingkap Dibuka

The banner features the PPAT logo at the top left. The main title 'Bedah Buku : KUMPULAN SAJAK REMAJA - APABILA TINGKAP DIBUKA' is displayed prominently in yellow and white. Below the title, there are live stream icons for YouTube and Facebook. The date '26-FEB-2023' and time '10:00 PAGI' are listed, along with the panelist 'ABD AZIZ BIN IBRAHIM GURU CEMERLANG SEJARAH'. A photo of the author, HILMI RINDU, is shown holding the book. The banner has a futuristic, glowing background with a circular frame around the right side.

LIVE STREAM

26-FEB-2023 10:00 PAGI

Panel
ABD AZIZ BIN IBRAHIM
GURU CEMERLANG SEJARAH

GALERI PENULIS TERENGGANU

www.trglib.gov.my | PPATerengganu | ppat@trglib.gov.my | PPAT TV | PPATerengganu

26 Februari 2023 | Ahad – Program Bedah Buku telah dibicarakan dan dikupas oleh Cikgu Abdul Aziz bin Ibrahim telah diadakan dan juga disiarkan secara langsung melalui facebook rasmi PPAT.

'Kumpulan Sajak Remaja : apabila tingkap dibuka' adalah hasil nukilan Saudara Hilmi Rindu yang merupakan penulis tamu PPAT dan telah diterbitkan pada tahun 2019.



LATIHAN PENGGUNAAN GOOGLE SHEET



LATIHAN PENGGUNAAN GOOGLE SHEETS DALAM PENYIMPANAN DATA STATISTIK BULANAN

UNIT MEDIA
PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



@PPATerengganu



PPAT TV



PPATerengganu

29 Januari 2023(Ahad) - Latihan Penggunaan Google Sheet dalam penyimpanan data statistik bulanan telah diadakan kepada kakitangan. Seramai 25 orang kakitangan telah terlibat dalam latihan kali ini yang mana akan lebih membantu para peserta dalam penyediaan data statistik bulanan dengan lebih tersusun.



LATIHAN PENGGUNAAN GOOGLE SHEETS
DALAM PENYIMPANAN DATA STATISTIK BULANAN



LATIHAN PENGGUNAAN GOOGLE SHEETS
DALAM PENYIMPANAN DATA STATISTIK BULANAN

KUNJUNGAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA WILAYAH TIMUR

28 Februari 2023 | Selasa – PPAT menerima kunjungan hormat dari Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur. Pertemuan ini dihadiri oleh Puan Ariza Che Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka wilayah Timur dan Puan Noliza binti Ismail, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu. Turut hadir sama adalah ketua-ketua bahagian PPAT dan juga pegawai kanak DBPWT.

Kesempatan ini merupakan peluang untuk bertukar-tukar pendapat dalam melaksanakan program kebahasaan dan kesusteraan serta mengeratkan lagi ukhuwah antara kedua jabatan.

LATIHAN LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

Literasi Maklumat adalah suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan dan merangkumi kebolehan mencari dan memperolehi maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif.

Sehubungan dengan itu, PPAT telah mengadakan beberapa sesi taklimat berkaitan perkara tersebut. Sebanyak 3 sesi latihan telah diadakan kepada pelajar sekolah dan peringkat kolej dalam memastikan kemahiran pencarian maklumat disetiap peringkat dengan lebih mudah. Selain itu, para peserta turut didedahkan dengan penggunaan perkhidmatan u-Pustaka dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Antara sekolah dan kolej yang terlibat adalah Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Tahiri dan Kolej Vokasional Kuantan.

LATIHAN LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

Literasi Maklumat adalah suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan dan merangkumi kebolehan mencari dan memperolehi maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif.

Sehubungan dengan itu, PPAT telah mengadakan beberapa sesi taklimat berkaitan perkara tersebut. Sebanyak 3 sesi latihan telah diadakan kepada pelajar sekolah dan peringkat kolej dalam memastikan kemahiran pencarian maklumat disetiap peringkat dengan lebih mudah. Selain itu, para peserta turut didedahkan dengan penggunaan perkhidmatan u-Pustaka dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Antara sekolah dan kolej yang terlibat adalah Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Tahiri dan Kolej Vokasional Kuantan.

**“Berani menegakkan keadilan
walaupun mengenai diri sendiri,
adalah puncak segala
keberanian”**

Buya Hamka



PENGENALAN LIGA MALAYSIA

Pada tahun 1989 hingga 1993, Liga Malaysia dikenali sebagai Liga Semi-Pro Malaysia. Pada tahun 1994 hingga 2003, nama Liga Semi-Pro ditukar kepada Liga M. Pada tahun 2004 sehingga kini ia dikenali sebagai Liga Super Malaysia. Jumlah kelab Liga Malaysia juga sering berubah-ubah. Disertai oleh 8 - 17 kelab sepanjang Liga Malaysia dipertandingkan.

SENARAI NAMA LIGA MALAYSIA

MUSIM	NAMA LIGA
2004 - KINI	LIGA SUPER MALAYSIA
1998 - 2003	LIGA PERDANA 1
1994 - 1997	LIGA PERDANA
1989 - 1993	LIGA SEMI-PRO DIVISYEN 1
1982 - 1988	LIGA MALAYSIA

PENAJAAN LIGA MALAYSIA

MUSIM	PENAJA	PENJENAMAAN LIGA
2023	ASTRO	ASTRO LIGA SUPER MALAYSIA
2022	UNIFI	UNIFI LIGA SUPER MALAYSIA
2021	PPHH	PPHH LIGA SUPER MALAYSIA
2020	CIMB	CIMB LIGA SUPER MALAYSIA
2019	-	LIGA SUPER MALAYSIA
2018	UNIFI	UNIFI LIGA SUPER MALAYSIA
2015 - 2017	-	LIGA SUPER MALAYSIA
2012 - 2014	ASTRO	ASTRO LIGA SUPER MALAYSIA
2011	-	LIGA SUPER MALAYSIA
2005 - 2010	TM	TM LIGA SUPER MALAYSIA
1989 - 2004	DUNHILL	DUNHILL LIGA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN BERGERAK

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak telah dimulakan pada bulan Jun 1982. Perkhidmatan ini memberi peluang kepada penduduk-penduduk di luar bandar meminjam buku-buku di tempat mereka sendiri. Bahan-bahan bacaan yang disediakan merangkumi pelbagai bidang dan golongan pembaca.


Penyediaan perkhidmatan perpustakaan bergerak ini merupakan satu inisiatif murni bagi memberi peluang kepada masyarakat luar bandar terutamanya dalam menyampaikan peranan perpustakaan kepada masyarakat. Keutamaan perkhidmatan perpustakaan bergerak hanya diberikan kepada sekolah yang berada di kawasan luar bandar.

Jarak sekolah / institusi yang memohon ke pusat bandar tidak kurang daripada 10 km. (6.21 batu) bagi daerah Kuala Terengganu dan tidak kurang 6 km. (3.73 batu) bagi daerah-daerah lain kerana mereka mempunyai kesukaran untuk mendapatkan bahan bacaan berbanding dengan pelajar yang berada di kawasan bandar.

Perpustakaan bergerak tidak hanya memberi tumpuan ke sekolah-sekolah yang berdekatan, ini kerana terdapat juga beberapa lokasi lain yang turut dilawati seperti kawasan perumahan, kem pertahanan, masjid dan juga pusat kegiatan belia.



MUTU PENGADILAN BOLA SEPAK LIGA TEMPATAN. APA KATA ANDA?



A portrait of Ahmad Shahrir Bin Aziz, a man with glasses and a beard, wearing a grey shirt with yellow accents. He is standing in front of a dark background with a large, stylized white graphic of a soccer ball.

PPAT

AHMAD SHAHRIR BIN AZIZ
44 tahun

Pada pendapat saya, mutu pengadilan di Malaysia pada masa kini agak membimbangkan yang mana kita dapat lihat dalam beberapa perlawanan Liga Super Malaysia berlaku beberapa keputusan yang tidak sepatutnya. Sebagai contoh perlawanan terbaru yang mana pengadil telah memberi tendangan penalti yang tidak sepatutnya diberikan kerana kekasaran yang berlaku adalah diluar kotak penalti.



buletin **salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU**

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2023 Hak Cipta Terpelihara



www.trglib.gov.my

